

CNS1478

U CB 10-09 00159 BA770

aab

NEGARA YANG BERMINAT BELI PESAWAT DIJEMPUT KE PAMERAN LIMA.
Mahathir - LIMA

LANGKAWI, 10 Sept (Bernama) -- Negara-negara yang berminat untuk membeli pesawat terbaru dijemput menyaksikan Pameran Laut Dan Udara Antarabangsa Langkawi (LIMA '91) di sini November ini, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata, orang perseorangan yang mungkin berminat untuk membeli pesawat peribadi juga dijemput ke pameran itu, katanya di sini.

Beliau berkata, setakat ini sebanyak 100 syarikat dari 20 buah negara telah mengesahkan untuk menyertai pameran itu yang akan diadakan pada minggu kedua bulan November.

Pameran laut yang akan memperlihatkan bot-bot mewah terbaharu syarikat-syarikat berkenaan akan diadakan di jeti Kuah manakala pameran udara akan diadakan di lapangan terbang antarabangsa Langkawi di Padang Mat Sirat di sini.

Perdana Menteri mengadakan lawatan sehari ke sini hari ini bagi memastikan tempat penginapan untuk para peserta pameran itu mencukupi. --
Lagi.

♥10/09/17-22MST

CNS1527

U CB 10-09 00177 BA780

aab

Mahathir - LIMA 2 Langkawi

Ketika bercakap kepada para pemberita selepas lawatan itu, beliau berkata, beberapa langkah telah diambil untuk mengatasi masalah kekurangan bilik penginapan termasuk membina dua buah hotel baru.

Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) sedang menyiapkan dua buah hotel, sebuah daripadanya ialah Sheraton hotel bertaraf lima bintang di Telok Nibung manakala sebuah lagi ialah sebuah resort di Pantai Kuala Muda, yang masing-masing mempunyai 300 bilik.

Sheraton hotel berharga kira-kira \$30 juta dan Resort berharga \$16 juta itu mula dibina kira-kira dua bulan lepas dan kerajaan memberi tempoh empat bulan untuk disiapkan, iaitu menjelang LIMA.

Datuk Seri Dr Mahathir yang melawat tapak kedua-dua projek itu hari ini menyatakan puas hatinya dengan kemajuan kerja yang dilaksanakan dan beliau yakin ia akan dapat disiapkan menjelang tempoh itu.

Beliau berkata, kekurangan bilik penginapan dijangka berlaku memandangkan sebahagian besar daripada kira-kira 2,000 bilik yang terdapat di pulau ini telah ditempah oleh pelancong sepanjang tempoh pameran itu sedangkan kira-kira 3,000 bilik diperlukan untuk peserta pameran itu. --
Lagi.

♥10/09/17-56MST

CNS1529

U CB 10-09 00076 BA781

aab

Mahathir - LIMA 3 Langkawi

+Cuma tinggal antara 200 dan 300 bilik sahaja yang belum ditempah+, tambah beliau.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, pihak penganjur LIMA akan menyewa kapal pelancongan bagi menampung kekurangan selebihnya.

Menteri Pertanian, Datuk Seri Sanusi Junid yang juga Anggota Parlimen Jerlun/Langkawi dan Pengurus Besar LADA, Haji Khalif Abdul Mutalib ialah antara yang mengiringi Perdana Menteri dalam lawatan itu. -- Bernama.

♥10/09/17 57MST